

MEMPERKASAKAN PRINSIP SYARIAH DALAM PENGUMPULAN KETERANGAN DOKUMEN DIGITAL DALAM KES JENAYAH SYARIAH

EMPOWERING SYARIAH PRINCIPLES IN GATHERING DIGITAL DOCUMENTARY EVIDENCE IN SYARIAH CRIMINAL CASES

MOHAMAD AZHAN YAHYA & AHMAD AZAM MOHD SHARIFF

Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, UKM Bangi, Selangor.

E-mel: azhan@ukm.edu.my & azam@ukm.edu.my (*Corresponding Author*)

ABSTRAK

Penyiasatan dalam kes jenayah syariah bertujuan mengumpul segala bahan bukti yang relevan untuk dikemukakan sebagai keterangan di mahkamah. Namun bahan bukti digital mudah dipalsukan dan menjadi cabaran kepada penguatkuasa agama Islam untuk mengumpul bahan bukti tersebut. Sekiranya bahan bukti digital ini dikumpul dengan kaedah yang salah, maka boleh memberi kesan kepada kebolehterimaan keterangan tersebut untuk dijadikan sebagai asas penghakiman kes. Artikel ini menganalisis pengaplikasian prinsip syariah dalam usaha memperkasakan proses pengumpulan keterangan digital semasa penyiasatan kes jenayah syariah. Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif. Artikel ini turut melibatkan kajian terhadap prinsip syariah dan peruntukan undang-undang berkaitan dengan pengumpulan keterangan digital dalam kes jenayah syariah. Artikel ini mendapati bahawa prinsip syariah berkaitan pengumpulan keterangan digital dalam kes jenayah syariah tidak dikaitkan dengan jelas berhubung kerelevanan, nilai probatif nilai koroboratif, rantaian keterangan dan rantaian jagaan bagi menyokong kebolehterimaan keterangan digital tersebut di mahkamah. Artikel ini mencadangkan agar dibina satu garis panduan pengumpulan keterangan digital dalam kes jenayah syariah yang lebih tersusun dan terperinci yang berasaskan kepada prinsip syariah tersebut.

Kata kunci: Pengaplikasian, prinsip syariah, keterangan digital, kes jenayah syariah, kebolehterimaan.

ABSTRACT

Investigations in sharia criminal cases aim to gather all relevant evidence and then it will be presented as evidence in court. However, the digital evidence is easily falsified and it is being a challenge for Islamic religious enforcers in collecting the evidence. As if the digital evidence is collected due to the incorrect process, then it will affect the admissibility of the evidence for being used as the basis for the case judgment. The article analysis the application of the syariah principles in enhance the gathering process of digital documentary evidence in the investigation process of the syariah criminal cases. The article uses the qualitative method. The article also does research on the syariah principles and the law provisions regarding to the garthering process of the digital evidence in the syariah criminal cases. The article finds that the syariah principles is not linked clearly towards the relevancy, probative value, corroborative value, chain of evidence and chain of custody to support the admissibility of the digital evidence in the the syariah courts. This article proposes to build a guideline for the gathering process of the digital evidence in the syariah criminal cases which is more structured and detailed based on these principles of syariah.

Keywords: Application, syariah principles, digital evidence, syariah criminal cases, admissibility.

PENDAHULUAN

Pembuktian mengambil tempat yang sangat penting dalam perbicaraan kes jenayah syariah. Dalam apa-apa kesalahan jenayah syariah yang didakwa, jika terdapat keraguan ke atas bahan bukti yang dikemukakan bagi membuktikan elemen kesalahan maka sabitan ke atas tertuduh tidak dapat dibuat. Pengemukakan keterangan tersebut hendaklah mencapai takat darjah pembuktian yang boleh mahkamah untuk menjadikan keterangan tersebut sebagai asas penghakiman bagi mensabitkan tertuduh dengan sesuatu kesalahan jenayah syariah. Pendakwa

syarie menggalas tanggungjawab atau beban untuk membuktikan pertuduhan sehingga akhir kes perbicaraan jenayah syariah. Pihak tertuduh pula akan merakukan keterangan yang dikemukakan oleh pendakwa syarie.

Untuk itu, kepentingan pembuktian itu perlulah dijaga sejak bermula dari proses siasatan. Hal ini demikian kerana segala bukti yang dikemukakan oleh pendakwa syarie adalah hasil dari operasi penggeledahan pegawai penguatkuasa agama di tempat kejadian serta siasatan kenyataan orang yang ditangkap. Bahan bukti ini yang direkod dan disimpan seterusnya diserahkan kepada pendakwa syarie untuk tujuan pendakwaan. Kini kesalahan jenayah syariah tidak sahaja berlaku secara fizikal bahkan turut berlaku di dalam media sosial. Bukan mudah untuk pegawai penguatkuasa agama mengumpul bukti yang bukan fizikal kerana ia mudah dipalsukan (Azhan, Azam 2022).

Dalam mana-mana peruntukan undang-undang di bawah enakmen keterangan mahkamah syariah, pengumpulan serta pengemukaan sesuatu keterangan termasuk keterangan digital selalu bersandarkan kepada beban bukti, keadilan, yakin serta konsep kerelevanan dan kebolehterimaan sesuatu keterangan dokumen elektronik. Penulisan ini menganalisis pengaplikasian prinsip syariah dalam memperkasakan proses pengumpulan keterangan digital dalam kes jenayah syariah.

Proses Siasatan Berasaskan Prinsip Beban Bukti Dan Keadilan

Dalam perbicaraan kes jenayah syariah, hukuman yang adil dapat dijatuhkan ke atas tertuduh berdasarkan kepada pembuktian yang dikemukakan. Pengemukaan pembuktian ini perlu mematuhi proses pengemukaan keterangan yang disebut dalam prinsip syariah serta peruntukan undang-undang. Keadilan memerlukan undang-undang yang adil dan ditadbirkan secara cekap dan adil, hakim yang adil, berwibawa dan berkelayakan. Hukuman yang adil juga memerlukan keterangan yang tepat dan pembuktian yang kukuh berdasarkan prinsip-prinsip yang unggul dan undang-undang yang hak, iaitu undang-undang Allah (Mahmud Saedon 1989).

Beban bukti adalah tugas untuk mengemukakan keterangan untuk membuktikan kebenaran sesuatu dakwaan. Ia juga menunjukkan kewajipan membuktikan sesuatu fakta dengan mengemukakan keterangan yang relevan (Abdul Rahman 1988). Untuk itu dalam kes jenayah syariah, pihak pendakwa syarie hendaklah membuktikan apa-apa keterangan selari dengan kaedah fiqh:

Beban untuk mengemukakan keterangan dalam sesuatu kes mal terletak pada orang yang mengatakan atau menegaskan sesuatu fakta (*al-mudda'ii*) dan orang yang mengangkat sumpah untuk menafikan atau mempertikaikan sesuatu fakta (*al-Muda'a 'alaih*).

Pada masa yang sama, keterangan digital yang dikemukakan juga hendaklah berasaskan kepada prinsip keadilan. Prinsip keadilan disebut dalam al Quran dalam surah al Maidah ayat 8:

Wahai orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang yang selalu menegakkan (kebenaran) kerana Allah, menjadi saksi yang adil. Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah, kerana (adil) itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha mengetahui apa yang kamu kerjakan.

Ayat al Quran dan kaedah fiqh tersebut menasihati manusia untuk mengemukakan bukti yang relevan dalam proses mendakwa seseorang serta bersikap adil dalam mengemukakan keterangan bagi membuktikan kesalahan tertuduh (Azhan, Hammad & Suhaizad 2021). Dalam

konteks jenayah syariah, selain menekankan aspek pembuktian, kejayaan sesuatu kes pendakwaan itu juga amat berkait rapat dengan ketelitian seseorang pegawai penguat kuasa agama dalam menjalankan siasatannya. Hal ini kerana apa-apa kecuai atau kesilapan yang dilakukan oleh seorang pegawai penguat kuasa agama semasa melakukan siasatan boleh mengakibatkan kes pendakwaan menjadi lemah, sekali gus mengakibatkan keadilan gagal dicapai (Ahmad Azam & Mazupi 2005)

Untuk itu dalam suatu siasatan keterangan digital dalam kes jenayah syariah hendaklah dikumpul bahan bukti tersebut dengan proses yang betul dan secara berhati-hati. Ini bagi memastikan bahan bukti digital yang dikumpul itu adalah relevan untuk diterima sebagai keterangan di mahkamah syariah. Dalam masa yang sama ia turut dapat mengelakkan pihak pendakwa syarie mengemukakan keterangan yang meragukan di mahkamah. Untuk itu segala proses pengumpulan keterangan digital ini hendaklah berasaskan kepada prinsip keadilan agar mahkamah menerima hanya keterangan yang menyakinkan untuk dijadikan sebagai asas penghakiman kes jenayah syariah.

Proses Siasatan Berasaskan Prinsip Yakin

Prinsip utama dalam perbicaraan kes jenayah syariah adalah seseorang yang dituduh adalah bebas dari sebarang tuduhan melainkan dibuktikan bersalah. Prinsip ini disebut dalam kaedah fiqh iaitu al-yaqin la yuzal bi alsyak (keyakinan tidak boleh dihilangkan dengan keraguan) yang boleh dijadikan asas dan menentukan beban pembuktian sesuatu kes (al-Sadlan 1999). Kaedah fiqh ini bermaksud bahawa sesuatu yang telah diyakini tidak akan hilang dengan kedatangan syak (keraguan) ke atasnya, tetapi ia boleh dihilangkan dengan yaqīn sepertinya juga.

Prinsip ini juga turut disebut dalam kaedah fiqh:

“pada asalnya seseorang itu bebas dari sebarang tanggungan” (al-Hariri 1998; al-Nadwi 1998).

Dan disentuh juga dalam kaedah:

“asal segala sesuatu itu tiada” (al-Nadwi 1998).

Kedua-dua kaedah fiqh tersebut memberi gambaran kepada manusia bahawa jika asal sesuatu perkara itu tidak wujud, maka ia kekal tiada melainkan dapat dibuktikan sebaliknya.

Ini menjadi kayu ukur kepada pihak pendakwa syarie untuk mengemukakan keterangan yang relevan dan menyakinkan untuk membuktikan kesalahan tertuduh. Pada masa yang sama ia juga menggambarkan bahawa segala kewajipan untuk membuktikan keterangan yang dikemukakan adalah dipihak pendakwa syarie. Oleh yang demikian, untuk memastikan suatu sabitan yang adil, proses kehakiman ini hendaklah mengambil kira berhubung aspek darjah pembuktian.

Islam telah memberi panduan kepada manusia berkaitan darjah pembuktian seperti yang disebut dalam surah an Nisa ayat 157 dan 158:

“Dan juga (disebabkan) dakwaan mereka dengan mengatakan: “Sesungguhnya kami telah membunuh alMasih isa ibnu Maryam, Rasul Allah. Padahal mereka tidak membunuhnya dan tidak menyalibnya, tetapi (yang mereka bunuh ialah) orang yang diserupakan dengan Isa. Sesungguhnya orang-orang yang berselisih faham tentang (pembunuhan) Isa sebenarnya mereka berada dalam keadaan syak (ragu-ragu) tentang orang yang dibunuh itu. Tiada sesuatu pengetahuan pun bagi mereka mengenainya selain mengikut sangkaan sematamata dan mereka tidak yakin bahawa yang dibunuh itu ialah Isa”. (Surah al-Nisa: 157-158)

Ayat al Quran ini mengajar manusia berkaitan dengan beberapa tahap pembuktian. Subhi Mahmasani menyebut bahawa yakin merupakan tahap tertinggi dan diikuti dengan tahap *ghalabah al-zan* (berat sangka), dan turutan tahap seterusnya al zan (sangkaan), syak (tidak pasti) dan al wahm (salah sangka) (Subhi Mahmasani 1987). Islam mengingatkan manusia agar sentiasa mengemukakan dakwaan yang menyakinkan dalam usaha menegakkan kebenaran.

Untuk itu, bukan sahaja pendakwa syarie merupakan watak utama dalam memastikan pengemukaan keterangan itu mencapai tahap pembuktian tersebut. Malah pegawai penguatkuasa agama juga memainkan peranan yang penting. Usaha mengumpul bahan bukti yang dilaksanakan pegawai penguatkuasa agama juga menjadi sebab penting dalam menentukan sama ada keterangan itu relevan dan menyakinkan mahkamah untuk diterima sebagai asas penghakiman kes. Maka segala proses pengumpulan bahan bukti digital diperingkat siasatan hendaklah sentiasa bersandarkan kepada prinsip yakin ini.

Ini bermakna jika bahan bukti itu tidak relevan dan menyakinkan, pegawai penguatkuasa agama hendaklah melakukan penggeledahan semula bagi mendapatkan keterangan yang dianggap boleh menyakinkan mahkamah. Selain daripada proses menggeledah, tiap-tiap bahan bukti digital yang disita juga perlu disimpan dengan rapi bagi memastikan tiada pencemaran berlaku bagi mengelakkan keraguan keterangan semasa pengemukaan di mahkamah kelak. Pada masa yang sama, transaksi perjalanan bahan bukti itu dari tiap lokasi hendaklah direkodkan juga bagi mengelakkan keraguan keterangan.

Ringkasnya, siasatan keterangan digital dalam kes jenayah syariah bertujuan untuk menjaga kemaslahatan umum serta melicinkan lagi proses kehakiman yang sudah tentunya membawa keadilan (kebaikan) kepada manusia. Ini kerana keterangan digital tersebut perlu dinilai akan keboleherimaannya untuk dijadikan sebagai bukti terhadap kes-kes syariah agar mahkamah dapat mengeluarkan satu perintah yang adil.

PERBINCANGAN DAN DAPATAN

Proses siasatan keterangan digital dalam kes jenayah syariah meliputi proses penggeledahan, penyitaan, penyimpanan dan siasatan orang yang ditangkap. Kesemua proses ini diperuntukkan di bawah di bawah Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003 serta di bawah akta atau enakmen tatacara jenayah syariah di negeri-negeri lain. Seksyen 44 (1) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003 menjelaskan mahkamah boleh mengeluarkan waran geledah memerintahkan penggeledahan dijalankan di tempat yang ditetapkan dalam waran geledah. Seksyen 63 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003 memperuntukkan pegawai penguatkuasa agama boleh melakukan penggeledahan di tempat siasatan di mana-mana tempat sesuatu kes tanpa perlu memohon waran geledah untuk mengumpul bahan bukti. Seksyen 65 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003 menjelaskan tugas pegawai penguatkuasa agama untuk merekodkan dalam buku harian pegawai berkaitan dengan prosiding dalam penyiasatan dengan mencatatkan waktu perintah, jika ada, untuk menjalankan penyiasatan itu sampai padanya, waktu pegawai penguatkuasa agama memulakan dan mengakhiri penyiasatan itu, tempat atau tempat-tempat yang dilawati olehnya, orang atau orang-orang yang disoal olehnya dan pernyataan mengenai hal keadaan yang dipastikan melalui penyiasatannya.

Seksyen 52 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003 menjelaskan bahan bukti yang ditemui di lokasi kejadian jenayah dan didapati ia relevan dengan kes yang disiasat maka pegawai penguatkuasa agama boleh untuk menyita bahan bukti tersebut. Setelah bahan bukti ini disita dengan rapi, ia hendaklah dibawa ke tempat penyimpanan barang kes bagi memastikan keselamatan serta identiti bahan bukti ini tidak tercemar. Seksyen 59 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003 menjelaskan pegawai penguatkuasa agama

mempunyai kuasa untuk melakukan pemeriksaan ke atas mana-mana orang yang disangka mengetahui fakta dan hal keadaan kes itu dan seterusnya hendaklah mengubah ke dalam bentuk bertulis apa-apa pernyataan yang dibuat oleh orang yang diperiksa sedemikian.

Proses-proses ini juga telah diperincikan dan diperjelaskan lagi di bawah Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri 2007 . Arahan ini telah digubal dan dipersetujui dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi hal ehwal agama Islam pada tahun 2007. Arahan ini telah digunapakai di seluruh negara bagi membantu pegawai penguatkuasa agama menjalankan tugas siasatan.

Melalui temu bual ke atas beberapa pengamal undang-undang syariah, informan menyatakan tiada prosedur khusus berkaitan penggeledahan keterangan digital (Akmal 2018; Radzi 2018; Nurhairin 2018; Nizam 2018; Zulfikri 2018; Helmi 2018; Rohaizad 2018; Aishah 2018; Hidhir 2018; Yusida 2018; Lutfi 2018). Informan yang ditemu bual turut menegaskan situasi yang sama juga berlaku di bawah Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri 2007, iaitu tidak ada perincian khusus berkaitan proses pengumpulan keterangan digital. Ketiadaan prosedur khusus ini menyebabkan arahan berkaitan pengumpulan keterangan digital adalah tidak jelas. Proses-proses ini perlu dibuat dengan berhati-hati serta mematuhi prosedur-prosedur tertentu agar dokumen elektronik yang dirampas ini dapat dikemukakan sebagai keterangan untuk dijadikan sebagai asas penghakiman kes. Proses tersebut juga turut perlu dikaitkan dengan jelas dengan prinsip *qarīnah* agar dapat menyokong peringkat pendakwaan kelak dan seterusnya mengelakkan penghakiman kes yang tidak tepat dibuat.

Penulisan ini mendapati bahawa jika pengumpulan keterangan dokumen elektronik ini tidak dikaitkan dengan jelas akan prinsip syariah tersebut dalam peruntukan undang-undang, situasi ini akan mengakibatkan kekeliruan wujud berkaitan kaedah kebolehterimaan keterangan tersebut. Akibatnya, penghakiman boleh dibuat dengan cara yang salah dengan menerima keterangan dokumen elektronik yang disahkan kesahihan dan ketulenan kandungannya melalui kaedah pembuktian yang tidak tepat. Apabila ini berlaku, dikhuatiri ada pihak yang mengambil kesempatan dalam keadaan kaedah pembuktian keterangan dokumen elektronik yang tidak jelas dengan mengemukakan dokumen elektronik yang dipaslukan atau diubah suai demi kepentingan sendiri. Ini mengundang kepada ketidakadilan dalam penghakiman kes. Apabila ini berlaku, ia akan membawa kepada kemudaratan yang mana sama sekali bercanggah dengan maqasid syariah. Untuk tujuan tersebut, setiap pengumpulan dan pengemukaan keterangan dokumen elektronik di mahkamah perlulah dikaitkan dengan jelas berkaitan prinsip kerelevanan, nilai probatif, nilai koroboratif, rangkaian keterangan dan rangkaian jagaan.

KESIMPULAN

Kebolehterimaan keterangan dokumen elektronik bukan sahaja bergantung kepada keaslian sesuatu dokumen tapi turut bergantung kepada kandungan dokumen itu, iaitu sejauh mana ia menyokong dan membuktikan kewujudan sesuatu fakta isu dan fakta relevan dalam sesuatu kes. Kegagalan dalam menjaga rangkaian jagaan dan rangkaian keterangan ini boleh menyebabkan dokumen elektronik yang dikemukakan di mahkamah dipertikaikan kesahihan dan kewujudan kandungannya.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Geran Galakan Penyelidik Muda (UKM) (GGPM-2021-042) kerana membantu membiayai penerbitan kajian ini.

RUJUKAN

- ‘Ali Ahmad al-Nadwi. 1998. *al-Qawaid al-Fiqhiyyah*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Abdul Rahman Mustafa. 1988. *Prinsip-prinsip Undang-undang Keterangan Islam Satu Pendekatan Perbandingan*. Kuala Lumpur: Al Rahmaniah.
- Ahmad Azam Mohd Shariff & Mazupi Abdul Rahman. 2005. Siasatan Kes Jenayah Syariah di bawah Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997. *Jurnal Undang-undang & Masyarakat* 9(2008): 1-18.
- Ahmad Nizam bin Amiruddin, Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama, Pejabat Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syariah, Jabatan Agama Islam Perak, di Ipoh, Perak, 7 Mac 2018.
- Aishah binti Ithnin, Penolong Pegawai Unit Siasatan, Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Melaka, di Melaka, 1 Mac 2018.
- Al-Quran dan Terjemahan. 2012. Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Darul Iman.
- Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam (Arahan Pegawai penguatkuasa agama) 2007.
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003. Lihat juga Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Melaka) 2002, Enakmen Tatacara Jenayah Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Perak) 2004, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Terengganu) 2001 dan Ordinan Tatacara Jenayah Syariah, 2001.
- Ibrahim Muhammad Mahmud al-Hariri. 1998. *Al-Madkhal Ila al-Qawa'id al-Fiqhiyyah al-Kulliyah*. Amman: Dar ‘Ammar.
- Mahmud Saedon. 1989. Pembuktian: Kepentingan beban dan hukumnya. *Jurnal Hukum* 6 (2): 167- 193
- Mohamad Azhan Yahya, & Ahmad Azam Mohd Shariff. (2022). Proses Pengeledahan Keterangan Dokumen Elektronik dalam Kes Jenayah Syariah: Searching Process in the Syariah Criminal Cases: Analysis the Admissibility of Electronic Document Evidence. *Journal of Muwafaqat*, 5(2),153–163.
- Mohamad Azhan Yahya, Hammad Mohamad Dahalan & Suhaizad Saifuddin. 2021. Analisis Proses Pengumpulan Keterangan Dokumen Elektronik dalam Kes Jenayah Syariah. *Islamiyyat* 43(Isu Khas) 2021:17-28.
- Mohd Akmal bin Senin. 2018. Pegawai Penyiasat, Jabatan Agama Islam Selangor, di Shah Alam, Selangor. Temu bual 29 Januari 2018.
- Mohd Hidhir bin Hamidon. 2018. Ketua Unit Operasi, Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Melaka. Temu bual 1 Mac 2018.
- Mohd Lutfi bin Ahmad Khuzaini. 2018. Pegawai Syariah LS 41, Bahagian Pendakwaan, Jabatan Agama Islam Pulau Pinang, di Lebuh Pantai, Pulau Pinang. Temu bual 23 Mac 2018.
- Mohd Radzi bin Sulaiman. 2018. Penolong Penguatkuasa Agama, Jabatan Agama Islam Negeri Johor, di Johor Bahru, Johor. Temu bual 2 Mei 2018.
- Nur Hairin bin Khamis. 2018. Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Unit Siasatan, Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan, di Seremban, Negeri Sembilan. Temu bual 28 Februari 2018.

- Rohaizad bin Redzuan. 2018. Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Perundangan, Perbicaraan dan Rayuan, Jabatan Pendakwaan Syariah, Negeri Sembilan, di Seremban, Negeri Sembilan. Temu bual 26 Februari 2018.
- Subhi Mahmasani. 1987. *Falsafah al-Tashri' al-Jina'I al-Islami*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Wan Mohamad Helmi bin Masran, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Rembau, Negeri Sembilan, di Seremban, Negeri Sembilan, 2 Mac 2018.
- Yusida binti Yusof, Ketua Unit Siasatan, Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Melaka, di Melaka, 1 Mac 2018.
- Zulfikri bin Yaso', Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, Selangor, di Shah Alam, Selangor, 27 Mac 2018.